



APAKAH RASULULLAH SAW MERESTUI NAJASY (SETELAH MASUK ISLAM) MENERAPKAN SISTEM PEMERINTAHAN KUFUR?

Siapa sahaja yang mengembang dakwah Islam secara ikhlas dan benar serta berusaha mewujudkannya kembali di dalam realiti pemerintahan, baik individu mahu pun parti, tidak mungkin ia akan membenarkan, terlibat atau bergabung dengan sistem pemerintahan kufur dan tidak mungkin ia akan menerapkan sistem kufur di dalam pemerintahan (sekiranya ia berkuasa) atas alasan apa sekalipun. Ini kerana, di saat ia berusaha untuk menghancurkan sistem kufur, mana mungkin di saat yang sama ia juga berusaha mempertahankannya! Bergabung dengan sistem pemerintahan demokrasi dan lain-lain yang menerapkan peraturan (hukum) dan undang-undang kufur, ertinya memperkukuhkan lagi sistem kufur, bukan menghancurkannya. Hujah apa pun yang diguna untuk menjustifikasi penyertaannya di dalam sistem pemerintahan kufur tersebut, tidak lain hanyalah mengkhianati dirinya sendiri, mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang yang beriman. Apalagi setelah nyata bahawa dalil-dalil itu bertentangan dengan dalil-dalil *syar'ie* yang *qath'i tsubut* dan *qath'i dilalah*. Sungguh merupakan suatu bencana dan dosa besar apabila seorang pengembang dakwah mengguna pakai 'maslahat' yang diukur dengan akalunya (walhal tidak diakui oleh syarak) sebagai dalil baginya dengan melanggar nas yang *qath'i* atau menggunakan *syubhat al-dalil* untuk menjustifikasi penyertaannya di dalam sistem pemerintahan kufur yang menjalankan peraturan yang tidak diturunkan Allah. Padahal, bergabung di dalam sistem pemerintahan kufur bertentangan dengan dalil-dalil yang *qath'i tsubut* dan *qath'i dilalah*, yang jelas-jelas mewajibkan kaum Muslimin untuk berhubung dengan apa yang diturunkan oleh Allah dan mengharamkan berhubung dengan (hukum) selain yang diturunkannya.

Salah satu 'dalil' yang sering digunakan oleh parti Islam atau ulama pro pemerintah di dalam 'menghalalkan' perbuatan mereka yang haram ini adalah kisah Najasy, yang diisytiharkan kematiannya oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat. Waktu itu Nabi SAW melakukan solat jenazah untuknya. Hal itu dijadikan sebagai dalil untuk menjustifikasi penyertaan mereka di dalam sistem pemerintahan kufur atau di dalam membenarkan tindakan pemerintah yang menerapkan hukum selain dari apa yang diturunkan Allah SWT. Mereka mengatakan bahawa Najasy telah masuk Islam pada masa Rasulullah SAW dan tetap memerintah dengan peraturan kufur dan hal ini didiamkan (dibolehkan) oleh Rasulullah. Mereka melontarkan enam buah hadis yang dikeluarkan oleh Bukhari berkaitan dengan wafatnya dan solatnya Rasulullah atas kematiannya. Tiga hadis di antaranya diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah al-Ansari dan tiga lagi diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Apabila diteliti dengan mendalam, sesungguhnya keenam-enam hadis tersebut tidak boleh dijadikan sebagai dalil yang membolehkan penerapan sistem kufur atau bergabung di dalam sistem pemerintahan kufur. Penjelasiannya adalah sebagaimana berikut:-

(1) Imam Bukhari meriwayatkan hadis-hadis ini dengan memasukkan lima hadis ke dalam bab 'Meninggalnya Najasy'. Hadis yang keenam dimasukkan ke dalam bab 'Al-Jana'iz'. Keenam-enam hadis itu berkaitan dengan kematian Najasy dan perkhabaran Rasulullah SAW kepada para sahabat tentang kematiannya, bukannya berkenaan bolehnya memerintah atau bergabung dengan sistem kufur. Baginda menyebut Najasy sebagai lelaki yang soleh dan bahawa dia adalah saudara mereka. Kemudian Rasulullah SAW meminta kepada mereka (para sahabat) agar memohon ampun untuknya. Disebutkan juga tentang solat baginda SAW bersama para sahabat ke atas Najasy. Ini menunjukkan bahawa Najasy adalah seorang Muslim walaupun tidak dinyatakan bilakah dia masuk Islam.

(2) Ibnu Hajar al-Asqalani dalam kitabnya *Fathul Bari* (syarah Sahih Bukhari) memberi komentar hadis tersebut di bawah judul '*Mautu an-Najasy*' (kematian Najasy), katanya, "*Tidak jelas mengapa Bukhari tidak menjelaskan tentang kelslamannya (Najasy) dan ini adalah topiknya (yakni) menjelaskan tentang kematiannya. Ini kerana, kisah yang menyebutkan kelslamannya tidak ada. Perkara (kelslamannya) itu tampak jelas dalam kematiannya yang ditunjukkan hasil pemahaman dari solat (jenazah) Rasulullah untuknya yakni Najasy ketika itu telah masuk Islam*".

(3) *Sighat* (bentuk-bentuk) hadis yang dikeluarkan oleh Bukhari menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengetahui tentang kematian Najasy dan kelslamannya di hari kematiannya melalui wahyu. Hadis itu menunjukkan bahawa para sahabat juga tidak mengetahui kematian dan kelslamannya, kecuali setelah Rasulullah SAW memberitahukan mereka tentang hal itu. Di dalam hadis Jabir, ia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda ketika Najasy meninggal, "*Hari ini telah meninggal seorang lelaki soleh, maka berdirilah kalian dan solatlah atas saudara kalian As-himah*". Di dalam hadis Abu Hurairah tercatat, "*Sesungguhnya Rasulullah SAW memberitahukan kematian Najasy, penguasa Habsyah, kepada mereka (sahabat) pada hari kematiannya*". Ini menjadi dalil yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengetahui mengenai kematian dan kelslamannya Najasy pada hari meninggalnya, melalui wahyu. Ucapan Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah, "*Hari ini telah meninggal seorang lelaki soleh*" dan sabda baginda, "*Maka berdirilah kalian dan solatlah atas saudara kalian As-himah*" menunjukkan bahawa mereka sebelumnya tidak mengetahui kelslamannya Najasy. Seandainya mereka mengetahui hal itu, tidak mungkin Rasulullah SAW mengucapkan ungkapan-ungkapan seperti "*lelaki soleh*" dan "*saudara kalian*", kerana

baginda tidak mengucapkan ungkapan sedemikian ketika mengajak mereka untuk mensolatkan mana-mana sahabat yang meninggal.

(4) Hadis-hadis ini menunjukkan bahawa Najasy telah masuk Islam menjelang kematiannya, namun tidak dijelaskan bilakah kelslamannya. Bentuk kalimatnya menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengetahui kematian dan kelslamannya pada hari kematiannya, melalui wahyu sebagaimana yang telah disebutkan sebelumnya. Tidak terdapat *khobar* (berita) yang sah yang menyebutkan bahawa Rasulullah SAW telah memberitahukan kelslamannya Najasy selain pada topik ini.

(5) Keenam-enam hadis ini langsung tidak mengandungi pengertian yang menunjukkan bahawa Najasy yang telah diberitahukan kematiannya oleh Rasulullah SAW kepada sahabat lalu baginda solat bersama para sahabat, adalah Najasy yang berkuasa di Habsyah ketika kaum Muslimin berhijrah ke sana. Juga, tidak ada *khobar* yang menunjukkan bahawa dia adalah Najasy yang menerima surat (dakwah) Rasulullah SAW yang mengajaknya masuk Islam. Ini kerana istilah "Najasy" bukanlah nama peribadi, melainkan gelaran yang diberikan kepada penguasa-penguasa yang memerintah Habsyah. Hal ini disebutkan oleh Imam Nawawi pada jilid ke-12 dari kitabnya, *Syarah Sahih Muslim*. Juga disebutkan oleh Ibnu Hajar al-Asqalani dalam juz ke-3 kitab al-Ishabah.

(6) Di dalam juz ke-12 dari kitab *Syarah Sahih Muslim an-Nawawi*, disebutkan bahawa Najasy yang dikirim surat oleh Rasulullah SAW dan diajaknya masuk Islam pada akhir tahun ke-6 Hijriah, setelah baginda kembali dari Perang Hudaibiyah, bukanlah Najasy yang Rasulullah SAW solat jenazah untuknya. Teksnya berbunyi, "*Dari Anas, bahawa Nabi SAW telah menulis surat kepada Kisra, kepada Kaisar dan kepada Najasy serta kepada setiap Jabbar (penguasa), mengajak*

DISKUSI TERBUKA

"DIALOG NEGARA ISLAM BERSAMA HIZBUT TAHRIR MALAYSIA (HTM)"

Tarikh: 2 Disember 2012 (Ahad)

Tempat: Auditorium Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Petaling Jaya, Selangor

Masa: 9.00 pagi - 1.00 ptg

= *Masuk Percuma, Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir* =

mereka kepada Allah Ta'ala, bukan Najasy yang Nabi SAW mensolat (jenazahkannya) atasnya". Dari hadis ini jelas bahawa Najasy yang Rasulullah SAW solat jenazah atas kematiannya bukanlah Najasy yang ada pada saat kaum Muslimin berhijrah ke Habsyah, untuk hidup di bawah lindungannya dan bukan juga Najasy yang telah dikirim surat oleh baginda.

(7) Orang-orang yang berpendapat bahawa Najasy yang Rasulullah SAW solat jenazah atas kematiannya adalah Najasy yang sama ketika kaum Muslimin berhijrah ke sana, juga merupakan Najasy yang dikirim surat oleh Rasulullah SAW mengajaknya memeluk Islam pada akhir tahun ke-6 Hijriah, sesungguhnya pendapat tersebut diliputi *wahm* (kerancuan). Kerancuan itu muncul kerana Rasulullah SAW telah memujinya dan menyebutnya kepada sahabat yang akan berhijrah, "Bahawa dia adalah raja yang tidak menzalimi seorang pun dan bahawa negerinya adalah negeri yang benar" (Sirah Ibnu Hisyam). Keadaan di sana adalah ibarat jiran yang baik bagi kaum Muslimin yang berhijrah. Najasy pun menjamin kedudukan mereka. Kaum Muslimin dengan aman menyembah Allah, tidak takut kepada sesiapa pun. Najasy itu menolak untuk menyerahkan kaum Muslimin kepada dua orang utusan Quraisy yang memintanya. Dia berkata kepada kaum Muslimin, "Kalian berada dalam keadaan aman di negeriku. Barang siapa yang mencela kalian, maka akan dijatuhkan hukuman". Dialah yang memberi komen kepada jawapan Ja'far ketika ditanyakan perkara yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada mereka, dengan mengatakan, "Demi Dzat yang Isa datang dengan kata-kata ini, sesungguhnya ini benar-benar keluar dari sumber yang satu". Begitu pula menanggapi jawaban Ja'far pada hari berikutnya ketika dia bertanya kepada Ja'far tentang Nabi Isa. Saat itu dia mengambil sebatang kayu lalu membuat garisan kecil sambil mengatakan, "Antara agama kalian dan agama kami (perbezaannya) tidak lebih dari garisan ini."

Paparan-paparan seperti itulah yang telah menimbulkan *wahm* bahawa Najasy itulah yang telah masuk Islam. Rasulullah SAW tidak memberitahu bahawa dia telah masuk Islam. Hal ini dituturkan oleh Ummu Salamah, isteri Rasulullah SAW yang pada waktu itu termasuk salah seorang wanita yang turut berhijrah ke Habsyah. Ummu Salamah tidak pernah menyebut bahawa dia telah masuk Islam tatkala menceritakan tentang Najasy dan kejadian yang mereka alami di negeri Habsyah. Ummu Salamah berkata, "Ketika kami tiba di negeri Habsyah, dia (Najasy) menjadi jiran kami yang terbaik. Dia menjamin agama kami. Kami pun beribadah kepada Allah dan kami tidak disakiti. Bahkan kami tidak mendengar sesuatu pun yang kami benci". Ummu Salamah berkata lagi, "Demi Allah, sesungguhnya kami dalam keadaan seperti itu ketika datang kepadanya seorang lelaki yang ingin merebut kerajaannya." Seterusnya Ummu Salamah berkata, "Maka demi Allah, aku tidak mengetahui bahawa kami pernah bersedih dengan satu kesedihan yang begitu mendalam seperti kesedihan kami saat itu (kerana) takut kalau-kalau lelaki itu mengalahkan Najasy, maka akan digantikan oleh seorang lelaki yang tidak mengetahui hak-hak kami sebagaimana halnya yang diketahui Najasy". Ummu Salamah melanjutkan lagi, "Setelah Allah memenangkan Najasy atas musuhnya dan mengukuhkan kekuasaannya di negerinya, maka aku tidak mengetahui lagi kegembiraan yang lebih besar daripada itu". Berkata Ummu Salamah lagi, "Najasy telah kembali dan Allah telah menghancurkan musuhnya, mengukuhkan kekuasaannya di negerinya dan Habsyah menjadi teratur di tangannya. Kami di sisinya tinggal di rumah yang terbaik sampai kami datang kepada Rasulullah SAW ketika baginda di Makkah" (Sirah Ibnu Hisyam). Hadis Ummu Salamah ini langsung tidak menunjukkan bahawa Najasy telah memeluk Islam.

Adapun berkenaan dua buah surat yang disebutkan oleh Muhammad Hamidullah dalam kitabnya *al-Watsai'iq as-Siyasiyah fi 'Ahd an-Nabawi*, yang menyebut bahawa Najasy telah menulis surat kepada Rasulullah SAW, menjelaskan kelIslamannya dan kesediaannya untuk datang menemui Rasulullah jika baginda perintahkan dan bahawa dia juga telah mengirimkan anaknya yang bernama Arha bin al-As-ham bin Abhar; surat yang pertama itu datang ketika Rasulullah berada di Makkah, sedangkan surat yang kedua menyebut bahawa Najasy telah mengirim kepada Rasulullah SAW melalui orang-orang (sahabat) yang kembali dari Habsyah dan baginda waktu itu sudah berada di Madinah; sesungguhnya kedua-dua surat itu tidak disebutkan oleh kitab-kitab hadis yang sahih. Walaupun penulis buku *al-Watsai'iq as-Siyasiyah fi 'Ahd an-Nabawi* menyebut bahawa dia mengutip peristiwa tersebut dari kitab *tarikh* (sejarah) tetapi tidak menyebut bahawa dia mengambil

surat-surat tersebut dari salah satu kitab hadis pun. Dalam hal ini, tentunya kitab *tarikh* tidak dapat disejajarkan dengan kitab-kitab hadis, apatah lagi untuk (kitab tersebut) dijadikan dalil.

Oleh yang demikian, hujah tentang kedua surat tersebut tidak boleh diterima. Tambahan lagi, ia bertentangan dengan hadis Anas yang diriwayatkan oleh Muslim dan bertentangan dengan hadis Ummu Salamah tentang Najasy dan tentang orang-orang yang berhijrah ke Habsyah. Orang yang paling akhir kembali kepada Rasulullah SAW adalah Ja'far. Jadi, *khabar* yang menyebutkan bahawa Najasy telah masuk Islam, sementara Ja'far kembali kepada Rasulullah SAW pada tahun ke-7 setelah penaklukan Khaibar dan setelah Rasulullah SAW mengirimkan surat-surat kepada para Raja dan Amir, hal ini menunjukkan yang kedua surat itu tidak boleh diterima dan tidak boleh digunakan untuk beristidlal (dijadikan dalil).

Berdasarkan hadis dan penerangan di atas, maka jelaslah bahawa Najasy yang masuk Islam dan yang Rasulullah solat jenazah ke atasnya, bukanlah Najasy yang ada pada saat kaum Muslimin berhijrah kepadanya dan bukan Najasy yang Rasulullah kirim surat untuk mengajaknya masuk Islam pada akhir tahun ke-6 Hijriah dan awal tahun ke-7 Hijriah melalui Amru bin Umayyah al-Dhamiri. Najasy yang masuk Islam ini adalah Najasy yang berkuasa setelah meninggalnya Najasy yang dikirim surat oleh Rasulullah SAW, yakni surat yang berisi seruan untuk memeluk Islam. Najasy yang telah masuk Islam ini telah menerima kekuasaan pada tahun ke-7 Hijriah, kerana Rasulullah SAW telah mengirimkan banyak utusan baginda kepada para Raja dan Amir, di antara mereka adalah Najasy. Hal itu Rasulullah lakukan sekembali baginda dari perang Hudaibiyah, yang terjadi pada akhir tahun ke-6 Hijriah di bulan Zulq'adah. Dialah Najasy yang Rasulullah SAW solat jenazah atasnya, yang waktu kematiannya terjadi sebelum penaklukan kota Makkah pada tahun ke-8 Hijriah, sebagaimana yang disebutkan oleh Baihaqi dalam kitab *Dala'il an-Nubuwwah*.

Dengan demikian, dapat difahami bahawa tempoh masa antara pengangkatannya menjadi Raja dan kelIslamannya, begitu juga dengan kematiannya, sangat singkat. Dia masuk Islam dalam keadaan tidak ada seorang pun, termasuk Rasulullah, yang mengetahui kelIslamannya. Rasulullah SAW diberitahu melalui wahyu tentang kematiannya (sekali gus kelIslamannya) hanya pada hari kematiannya, sebagaimana yang ditunjukkan oleh *sighat* (bentuk) keenam-enam hadis Bukhari yang meriwayatkan tentang kematiannya. Waktu yang singkat yang dilaluinya sebagai seorang Muslim (sebelum dia meninggal) tidak memungkinkannya untuk mengetahui hukum-hukum Islam, termasuklah tentang pemerintahan. Ketidaktahuan Nabi SAW terhadap hal itu menyebabkan baginda tidak mengirimkan kepadanya utusan yang akan menjelaskan apa yang harus dikerjakan (menerapkan Islam), kerana mustahil sekiranya Rasulullah mengetahui, baginda membenarkan hukum Allah tidak diterapkan. Oleh itu, kisah Najasy ini tidak boleh dijadikan dalil bagi membolehkan seseorang atau sesebuah parti Islam untuk bergabung di dalam sistem pemerintahan kufur yang menjalankan pemerintahan dengan hukum selain dari yang diturunkan oleh Allah SWT, apatah lagi untuk dijadikan dalil bolehnya menerapkan hukum kufur dalam pemerintahan sekiranya parti Islam itu berkuasa.

Parti Islam dan mereka yang beristidlal dengan kisah Najasy ini wajib sedar bahawa yang wajib dijadikan dalil (dan ikutan) bagi kita ialah perintah Allah SWT di dalam Al-Quran dan pemerintahan Rasulullah SAW itu sendiri, bukannya pemerintahan Najasy. Berapa banyak dari ayat-ayat Al-Quran yang memerintahkan kita untuk menerapkan hukum Allah sehingga orang yang tidak menerapkannya akan menjadi kafir, zalim dan fasik. Adanya kisah Najasy yang tidak menerapkan Islam bukanlah boleh dijadikan dalil untuk menafikan kewajipan menerapkan hukum Allah. Mereka yang berhujah dengan kisah Najasy ini seolah-olah mahu menolak apa yang diterapkan oleh Muhammad SAW dan Khulafa' Rasyidin sehingga mahu mengambil apa yang diterapkan oleh Najasy! Janganlah kita mencari-cari hujah untuk tidak menerapkan Islam dengan beristidlal kepada kisah Najasy (semoga Allah mengampuni dan merahmatinya) kerana yang wajib untuk kita beristidlal adalah kepada Kitabullah dan Sunah RasulNya. Saudaraku, cukuplah kalian mencari-cari alasan untuk membenarkan sistem demokrasi yang kufur atau mencari-cari dalih untuk tidak menerapkan hukum Allah di dalam pemerintahan, kerana apa yang kalian lakukan itu sesungguhnya hanyalah mengundang murka Allah kepada kalian di dunia dan akhirat. *Na'uzubillah min zalik*.